



## JABATAN PENERBANGAN AWAM

### KADAR YURAN ( FEE ) – PERMIT PERKHIDMATAN UDARA ( Tarikh Berkuatkuasa : 01 Julai 1996 )

- Bagi setiap permit yang diberikan mengikut peraturan 18 untuk mengendalikan perkhidmatan udara tidak berjadual ke satu atau lebih padang terbang atau dari satu atau lebih padang terbang di Malaysia, pengendali hendaklah membayar kepada Ketua Pengarah, Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia.
  - (a) *Fee* sebanyak **RM 200.00** setahun atau sebahagiannya dikenakan dengan suatu syarikat yang menggunakan sehingga empat kapaludara yang didaftarkan dengan dan diluluskan oleh Ketua Pengarah untuk menyediakan perkhidmatan udara sedemikian.
  - (b) *Fee* sebanyak **RM 600.00** setahun atau sebahagian daripadanya dikenakan dengan suatu syarikat yang menggunakan sehingga sembilan kapaludara yang didaftarkan dengan Ketua Pengarah untuk menyediakan perkhidmatan udara sedemikian atau
  - (c) *Fee* sebanyak **RM 1,000.00** setahun atau sebahagian daripadanya dikenakan dengan suatu syarikat yang menggunakan sehingga sepuluh kapaludara yang didaftarkan dengan Ketua Pengarah untuk menyediakan perkhidmatan sedemikian.

( Dipetik dari PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM 1996 P.U  
( A ) 139 yang diwartakan pada 01 April 1996 di bawah Peraturan 186 JADUAL  
KEDUA BELAS, BAHAGIAN B ( CAJ-CAJ LAIN ) para 5. ( Lesen dan Permit  
Perkhidmatan Udara).